



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA:

NO. SEBUT HARGA : APMMPB/14/2026

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF BANGUNAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI POS MARITIM INDERASAH.

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), memegang Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

KOD BIDANG PENDAFTARAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH & MASA TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
Gred G2 Kategori B Bangunan, pengkhususan B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan) Dan B28 (Kerja-kerja Ubahsuai) DAN Beralamat/Berdaftar di SABAH sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini.	Tempat Taklimat : Pos Maritim Inderasabah, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, 91008 INDERASABAH, TAWAU, SABAH. Tarikh : 03 Jun 2026 Hari : Rabu Masa : 09.00 Pagi Kehadiran WAJIB	Tarikh Tutup Sebut Harga: Tarikh : 12 Jun 2026 Hari : Jumaat Masa : Sebelum jam 12.00 PM Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan.	Peti Sebut Harga : Zon Maritim Sandakan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Jalan Buli Sim-Sim, Peti Surat 3156, 90000 SANDAKAN, SABAH Dokumen sebut harga dalam bentuk (Salinan cetak) yang telah diisi dengan lengkap perlu dihantar secara manual dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dengan nombor sebut harga APMMPB/14/2026

- Taklimat dan lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
- Kebenaran khas adalah **tidak dibenarkan**.
- Kontraktor yang pernah melaksanakan kerja dengan APMMPB pada tahun 2025 tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga ini.
- Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut Harga. Hanya kontraktor yang menyertai taklimat dan lawatan tapak sahaja layak untuk dipertimbangkan untuk diterima.
- Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih berkuatkuasa semasa pendaftaran dan lawatan tapak untuk sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga.
- Borang/Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi setelah penyebutharga berdaftar dengan Bahagian Pembangunan APMMPB dari tarikh **03 JUN 2026 hingga 12 Jun 2026**.
- Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.

Tandatangan

Nama : **LAKSAMANA PERTAMA (M)
ZULINDA BINTI HAJI RAMLY**
Jawatan : Pengarah
Bahagian Pembangunan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh

18.5.2026